



BAGAIMANA HENDAK MELAKSANAKAN PENGELUARAN BERSIH?


Pelaksanaan CP membabitkan langkah-langkah berikut:

- Menentukan keutamaan aliran buangan.
- Analisis kausal / sebab akibat.
- Menyediakan opsyen-opsyen untuk pengurangan, guna semula atau kitar semula buangan.
- Senaraikan opsyen-opsyen untuk penambahbaikan.
- Menilai opsyen-opsyen dan tentukan keutamaannya.
- Menyediakan pelan tindakan dan tempoh pelaksanaan.
- Mewujudkan program pemantauan.
- Melaksanakan pelan tindakan.

FAEDAH PENGELUARAN BERSIH (CP)

Faedah-faedah CP termasuk:

- Mengurangkan kuantiti buangan.
- Mengurangkan penggunaan bahan mentah.
- Mengurangkan kos rawatan buangan.
- Mengurangkan penggunaan tenaga.
- Meningkatkan keadaan persekitaran tempat kerja.
- Meningkatkan kecekapan proses dan kualiti produk.
- Mengurangkan potensi bahaya kepada alam sekitar.
- Meningkatkan kesihatan pekerja dan imej Syarikat.



PENGELUARAN BERSIH

Maklumat Ringkas



JABATAN ALAM SEKITAR

www.doe.gov.my

PENGELUARAN BERSIH

Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) mendefinisikan Pengeluaran Bersih (Cleaner Production-CP) sebagai pengaplikasian berterusan strategi pencegahan bersepadu untuk proses, produk dan perkhidmatan dalam usaha meningkatkan eko-kecekapan dan mengurangkan risiko kepada manusia dan alam sekitar.



PENGELUARAN BERSIH SECARA KHUSUS MENUMPUKAN KEPADA:

PROSES: Mengurangkan penggunaan bahan mentah dan tenaga, menghapuskan bahan mentah bertoksik, mengurangkan kuantiti dan tahap ketoksikan semua emisi dan sisa sebelum ianya meninggalkan proses.

PRODUK: Mengurangkan kesan negatif seiring dengan pusingan hayat produk, bermula dari pengekstrakan bahan mentah sehingga ia dilupuskan, dan

PERKHIDMATAN: Menyepadukan keprihatinan terhadap alam sekitar ke dalam reka bentuk dan perkhidmatan penyampaian.



PENGELUARAN BERSIH DICAPAI DENGAN:

- **Mengubah sikap:** Mencari pendekatan baru terhadap hubungan di antara industri dan alam sekitar.
- **Mengubahsuai produk:** Perubahan reka bentuk produk yang mengurangkan kesan kepada alam sekitar dalam pembuatan, penggunaan dan/atau pelupusan.
- **Menggantikan input bahan:** Menggunakan bahan yang tidak berbahaya kepada alam sekitar dalam produk dan prosesnya.
- **Kekemasan storan yang baik (Good housekeeping):** Menerima pakai prosedur operasi dan penyelenggaraan yang baik untuk mengelakkan kebocoran, tumpahan dan sebagainya.
- **Kitar semula di tapak:** Pemerolehan kembali dan penggunaan semula bahan buangan, air dan haba di tapak.

MENGAPA PERLU UNTUK MELAKSANAKAN PENGELUARAN BERSIH?

Memang wujud kebimbangan berhubung kos bagi melaksanakan Pengeluaran Bersih, tetapi pengalaman pengaplikasian sebenar telah menunjukkan bahawa:

- Banyak penambahbaikan boleh dilakukan kepada proses pengeluaran tanpa atau melibatkan kos yang rendah.
- Ini boleh meningkatkan keuntungan syarikat dan prestasi alam sekitarnya, yang seterusnya mampu meningkatkan reputasi dan imej awam

